



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL JALIL**  
**43100 HULU LANGAT, SELANGOR**

**MINIT MESYUARAT HEM BIL 4 / 2024**

---

**Bilangan Mesyuarat** : Bil 4/ 2024  
**Tarikh** : 11 November 2024 (Isnin)  
**Masa** : 12.00 tengah hari – 1.00 tengah hari  
**Tempat** : Bilik HEM  
**Pengerusi** : Encik Mohd Jamil bin Abdul Hamid

---

**Hadir** : (Rujuk Lampiran)  
**Tidak Hadir** : (Rujuk Lampiran)

**PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 Majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah. Pengerusi selanjutnya mengalu-alukan kehadiran guru dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua guru yang hadir dalam Mesyuarat JK HEM bil 4 bagi sesi 2024/25.
- 1.2 Pengerusi menegaskan bahawa semua guru perlu akur dengan tugas dan tanggungjawab.

***Tindakan: Makluman***

**2.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN MINIT MESYUARAT HEM BIL 3/2024**

- 2.1 Tidak ada pembentangan minit terdahulu.

***Tindakan: makluman***

**3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

- 3.1 Sebulat suara menyatakan tidak ada perkara berbangkit.

***Tindakan: Makluman***

#### 4.0 PERKARA-PERKARA BAHARU

##### 4.1 Bedah Pasca Kunjung Bantu

4.1.1 Pengerusi memaklumkan markah keseluruhan bagi pecahan aspek yang dipantau semasa kunjung bantu oleh pihak JPN. Pecahan markah mengikut aspek adalah seperti berikut :

Aspek	Pengurusan Hal Ehwal Murid	Markah Keseluruhan
3.3.1	Mengurus Pelaksanaan Hal Ehwal Murid	90.63 %
3.3.2	Mengurus Disiplin Murid	81.25 %
3.3.3	Mengurus Keselamatan Murid	85.94 %
3.3.4	Mengurus Program dan Perkhidmatan Kesihatan	90.63 %
3.3.5	Mengurus Bantuan Pelajaran Murid	85.94 %
3.3.6.1	Mengurus Perkhidmatan UBK	81.25 %
3.6.2	Mengurus Pelaksanaan Psikometrik	60.94 %

**Tindakan: Makluman**

##### 4.2 Mengurus Pelaksanaan Hal Ehwal Murid

4.2.1 Terdapat dua bahagian dalam aspek 3.3.1 yang perlu diberi penekanan khusus iaitu mendokumenkan ketetapan dan menyemak semula ketetapan agar mendapat skor 4.

**Tindakan : PK HEM/ SU HEM**

4.2.2 Semua maklumat yang telah dimasukkan dalam *G-Site* perlu dicetak dan dimasukkan ke dalam fail berkulit keras untuk pemantauan kali kedua pada 02 Disember 2024. Isi kandungan fail perlu lengkap.

**Tindakan : SU HEM**

##### 4.3 Mengurus Disiplin Murid

4.3.1 Hasil kunjung bantu, pengerusi memaklumkan bahawa aspek 3.3.2 yang merangkumi peraturan sekolah perlu dikuatkuasakan dengan lebih baik agar dapat memantapkan lagi usaha menyebarkan peraturan sekolah. Selain itu, data perlu dianalisis mengikut pecahan kes bagi setiap bulan. Seterusnya, Unit Disiplin perlu merancang, melaksanakan dan mendokumentasikan laporan program pendidikan disiplin yang memberi impak kepada murid secara berfokus

***Tindakan : PK HEM/ SU DISIPLIN/ UNIT DISIPLIN***

- 4.3.2 Semua dokumentasi berkaitan program yang dijalankan, data yang telah dianalisis dan senarai program perlulah dicetak serta dimasukkan ke dalam fail kulit keras yang telah disediakan.

***Tindakan : SU DISIPLIN***

4.4 Mengurus Keselamatan Murid

- 4.4.1 Pengerusi menyarankan agar Unit Disiplin meningkatkan usaha menyebarkan peraturan dan operasi prosedur keselamatan kepada semua murid, merancang serta melaksanakan program yang memberi impak kepada murid. Seterusnya, mendokumentasikan setiap program yang dijalankan untuk tujuan pemantauan.

***Tindakan : PK HEM/ SU DISIPLIN/ UNIT DISIPLIN***

- 4.4.2 Semua dokumentasi berkaitan program yang dijalankan perlulah dicetak serta dimasukkan ke dalam fail kulit keras yang telah disediakan.

***Tindakan : SU DISIPLIN***

4.5 Mengurus Program dan Perkhidmatan Kesihatan

- 4.5.1 Bagi aspek 3.3.4 pula, pengerusi menegaskan agar Unit 3K perlu menambahbaik pelaksanaan program berkaitan perkhidmatan kesihatan dan perlu mewujudkan persekitaran bermaklumat kesihatan yang pelbagai.

***Tindakan : UNIT 3K (KESIHATAN)***

- 4.5.2 Semua dokumentasi berkaitan program yang dijalankan perlulah dicetak serta dimasukkan ke dalam fail kulit keras yang telah disediakan.

***Tindakan : SU 3K***

4.6 Mengurus Bantuan Pelajaran Murid

- 4.6.1 Unit Kebajikan perlu mengenal pasti murid yang layak menerima bantuan, merekodkan maklumat bantuan yang diterima oleh murid dan memantau prestasi/kemajuan murid penerima bantuan serta mendokumentasikan semua maklumat berkaitan.

***Tindakan : SU KEBAJIKAN/UNIT KEBAJIKAN***

- 4.6.2 Semua dokumentasi berkaitan program yang dijalankan perlulah dicetak serta dimasukkan ke dalam fail kulit keras yang telah disediakan.

***Tindakan : SU KEBAJIKAN***

4.7 Mengurus Perkhidmatan UBK

4.7.1 Pengerusi menegaskan bahawa Unit UBK perlu lebih aktif dalam usaha untuk merancang sesi bimbingan dan melaksanakan sesi tersebut dengan jayanya. Selain itu, Unit UBK juga perlu merancang program bimbingan dan melaksanakan program setiap program secara sepakat. Setiap program perlulah mempunyai bukti secara mendokumentasikan program tersebut.

**Tindakan : SU UBK/UNIT UBK**

4.7.2 Semua dokumentasi berkaitan program yang dijalankan perlulah dicetak serta dimasukkan ke dalam fail kulit keras yang telah disediakan.

**Tindakan : SU UBK**

4.8 Mengurus Pelaksanaan Psikometrik

4.8.1 Hasil pemantauan JPN semasa kunjung bantu, pengerusi menegaskan agar aspek 3.6.2 yang terdiri daripada menganalisis data dan maklumat pentaksiran serta mengambil tindakan susulan/ intervensi/ konsultasi perlu diberi penekanan kerana mendapatkan skor yang rendah. Segala data perlu didokumentasikan segera mengikut ketetapan.

**Tindakan : SU UBK/ UNIT UBK**

4.8.2 Semua dokumentasi berkaitan program yang dijalankan perlulah dicetak serta dimasukkan ke dalam fail kulit keras yang telah disediakan.

**Tindakan : SU UBK**

## **5.0 HAL-HAL LAIN**

5.1 Puan Rahayu mencadangkan agar proses pembentangan perlulah ditambahbaik dengan memberikan penerangan secara keseluruhan menggunakan paparan *slide* semasa kunjung bantu kali kedua sebelum pemantau membuat semakan fail.

**Tindakan: Makluman**

## **6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.05 petang dengan bacaan surah al-Ashr dan tasbih kifarah.

Urusetia,



.....  
(Siti Aminah binti Ramli)

Setiausaha II HEM SMAJA.

Tarikh: 11 Mac 2024

KEHADIRAN MESYUARAT HEM 4/2024 (Bedah Pasca Kunjung Bantu)

HADIR

1. MOHD JAMIL B ABDUL HAMID (Pen Kanan HEM)
2. RAHAYU BT ARIFFIN (Pen Kanan Petang)
3. ROZITA BT ABDUL GHAFAR (SU HEM)
4. SITI AMINAH BT RAMLI (SU HEM II)
5. NAZILAWATI BINTI ABDUL MANAF (SU Disiplin)
6. NOOR AZUIN BT ABD JALIL (SU APDM)
7. AHMAD SUFFIAN BIN NAWI (KG Disiplin I)
8. MUHAMMAD SYAHIDON HASSAN MASUOD (KG Disiplin II)
9. NOR ASHANA BINTI JAMAIAN (Kaunselor)
10. MOHD FYIRHAN B ROSELI (Kaunselor)
11. MASHITAH BINTI ABD WAHAB (Kaunselor)

TIDAK HADIR

1. NAJIAH BINTI MD ZAIDI (Simposium Duta Guru 11-13 Nov PICC)